

Dapatkan BH PLUS. [Langgan Sekarang \(/gaccount/login#raas-login\)](#).

[Apa itu BH PLUS? \(/bhplus/tentangbhplus\)](#)

[Log Masuk \(/gaccount/login#raas-login\)](#)

Khamis, 1 Jun 2017 - 11:01AM

Waktu Solat Kuala Lumpur: Imsak - 5:29 Subuh - 5:39 Syuruk - 7:01 Zuhur - 13:14 Asar - 16:38 Maghrib - 19:22 Isyak - 20:37



(/)

- [UTAMA \(/\)](#)
- [SEMASA \(/SEMASA\)](#)
- [SUKAN \(/SUKAN\)](#)
- [BISNES \(/BISNES\)](#)
- [DUNIA \(/DUNIA\)](#)
- [JENAYAH \(/JENAYAH\)](#)
- [HIBURAN \(/HIBURAN\)](#)
- [POLITIK \(/POLITIK\)](#)

BISNES

JUMAAT, 26 MEI 2017 @ 4:50 PM

Alam Maritim Resources tingkat kecekapan (/node/286766)

Oleh Suffian A Bakar
[suffian@bh.com.my \(mailto:suffian@bh.com.my\)](mailto:suffian@bh.com.my)



(mailto:)



DATUK Azmi Ahmad. - Foto Zaen Asyraf

KUALA LUMPUR: Alam Maritim Resources Bhd (AMRB) yakin pelbagai langkah yang diambil akan membolehkan kumpulan itu berhadapan cabaran semasa yang dihadapi industri berkaitan minyak dan gas tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Azmi Ahmad, berkata bagi memanfaatkan aset syarikat, AMRB menyasarkan untuk meningkatkan tahap penggunaan sebanyak 60 peratus dan mencapai kadar kesediaan kapal 80 peratus dalam tahun kewangan semasa.

Beliau berkata, kumpulan juga bercadang mengurangkan lagi perbelanjaan operasi (opex) sebanyak 20 peratus, dengan mengoptimumkan aset dan menambah baik tempoh kapal yang tidak digunakan.

"Kami yakin sekurang-kurangnya meraih pulangan modal operasi tahun ini, mengambil kira persekitaran dan cabaran yang dihadapi industri ketika ini.

"Bagaimanapun, faktor lain adalah di luar kawalan kita," katanya sambil menambah kumpulan dijangka mengekalkan tahap pendapatan tahun lalu pada tahun ini, iaitu dalam jajaran RM200 juta hingga RM300 juta.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) kumpulan itu di sini, hari ini.

Azmi berkata, keyakinan itu juga disandarkan kepada nilai kontrak semasa yang agak selesa bernilai RM390 juta untuk tempoh dua tahun akan datang.

Mengenai pengurusan tunai, kumpulan sudah mengambil langkah perlu bagi mengukuhkan kedudukan tunai seperti meningkatkan tempoh pungutan hutang, mengurangkan jumlah vendor diluluskan kepada 50, melupuskan kapal berusia lebih 15 tahun.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata nilai tender yang disertai kumpulan setakat ini bernilai RM1 bilion, termasuk bida yang dimasuki di pasaran baharu seperti Qatar, Kuwait, Indonesia dan Vietnam.